

Andree Beranek ketuai cabaran pesilat Austria

- 9 OCT 1987

JAGUH pesilat kebangsaan Austria Kelas I, Andree Beranek, akan mengetuai cabaran negara itu dalam Kejua-raan Silat Dunia Ke-4 di Kuala Lum-pur pada 2-9 Disember ini.

Beliau adalah pemenang pingat emas Kelas I dalam kejohanan yang sama di Vienna ketika negara itu men-jadi tuan rumah tahun lalu.

Dua lagi pesilat Edward Linhart dan Werner Schveyer adalah muka baru yang menjuarai kejohanan per-ingkat kebangsaan tahun ini.

Pengurus pasukan itu, Ing Guenther Ertl, dalam kenyataannya memberitahu, penyertaan yang kecil itu tidak be-reti Austria akan pulang dengan tangan kosong.

Ketika menjadi tuan rumah, mereka dua pingat emas, dua perak dan lima gangsa untuk menduduki tangga keempat daripada 14 pasukan yang tu-rut serta.

Austria juga mengugurkan peme-nang pingat emas kelas H, Hannes Kotzian, Norbert Plassing (perak) dan Bernhard Kovacs (gangsa) bagi kelas B ketika kejohanan lalu.

Katanya, hanya Andree berjaya mengekalkan kecemerlangannya dan kini menjalani latihan bawah jurula-

B. Harian (M)

tih, Franz Hariwijadi.

Turki pula menyenaraikan tujuh pe-silat termasuk pemenang gangsa Ke-las E di Vienna, Ismail Altay.

Pengurus pasukan Turki, Mertin Ok, memberitahu dua pemenang gangsa di Vienna, Kamal Catal (Kelas E) dan Bahattin Ozbek (Kelas F) digugurkan untuk kejohanan di Kuala Lumpur nanti.

Antara muka baru dipilih, Hassan Aka, Sahir Jawus, Metin Sakin, Holesi Demir, M Sewindig dan Mertin Ok se-diri.

Manakala Surinam juga menyena-raikan enam pesilat. Antaranya R Ka-lidjo, P Barend, R Tjon A Huang, R Wijnhard, P Van Zichem dan E Nelom.

Mereka menjalani latihan di bawah jurulatih Franje dan menganggap penyertaan kali kedua peringkat du-nia ini lebih mencabar.

Pengurus pasukannya, R Van Zichem, memberitahu setiap pesilat-nya sudah bersedia memberi ten-tangan dan merangkul sebarang pingat.

Katanya, pengalaman di Vienna banyak didedahkan kepada pesilat ne-gara itu bagi menghadapi kejohanan di Kuala Lumpur.



ENCIK JOHARI: Rumah Si-lat akan dijadikan pusat pe-nyelaras rancangan

**Persisi
perluan
lagi \$15,500
untuk
10 OCT 1987
ubahelok**

PERSEKUTUAN Silat Singa-pura (Persisi) masih memerlu-kan \$15,500 lagi untuk menjalankan kerja-kerja ubahe-lok tahap pertama di 'Rumah Silat' badan itu.

Kerja-kerja ubahelok terse-but antara lain ialah membaiki tandas dan merobohkan pa-lang-palang yang menghalang latihan.

Sejauh ini mereka telah me-ngumpul \$4,500 dengan bantuan perguruan-perguruan silat di bawah naungannya, sedangkan jumlah yang diperlukan ialah \$20,000. 10 OCT 1987

Ketika dihubungi, Setiausa-ha Agung Persisi, Encik Johari H. M. Uriff berkata, jumlah ke-seturuhan yang diperlukan ba-gi mengubah rumah itu untuk dijadikan pusat penyelaras ran-cangan silat seperti latihan dan kursus ialah \$40,000.

Buat masa ini, usaha Persisi tertumpu kepada kerja-kerja ubahelok yang ringan di bawah tahap pertama.

Wang sebanyak \$20,000 yang diperlukan, menurut Encik Jo-hari, memadai bagi memasti-kan keselesaan para pelatih yang mengunjungi rumah di Mountbatten Road.

Rumah Silat yang diserah-kan oleh Persatuan Rakyat (PA) kepada Persatuan Jurula-tih Pertahanan Diri (SMAIA) telah digunakan oleh Persisi se-jak awal bulan lalu.

Menurut Encik Johari, SMAIA membenarkan Persisi menggunakan Rumah Silat itu empat hari seminggu pada ha-ri-hari biasa.

Pada hari-hari tertentu, Per-sisi akan diberi keutamaan se-kiranya mereka memerlukan tempat bagi mengadakan lati-han intensif dan kejuruan silat.